

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

IKLAN JAWATAN KOSONG

Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh iklan ditutup adalah dipelawa memohon jawatan-jawatan sebagaimana di bawah. Keutamaan akan diberi kepada rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim atau Warganegara Malaysia yang telah menduduki Negeri Johor tidak kurang dari tiga (3) tahun berturut-turut.

A. **NAMA JAWATAN :**

BIL	JAWATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	GREED	TARAF JAWATAN
1.	Penolong Pegawai Penilaian (COB)	Kewangan	W27	Tetap
2.	Penolong Pegawai Perancang Bandar & Desa (OSC)	Kejuruteraan	J29	Tetap
3.	Penolong Jurutera	Kejuruteraan	J29	Tetap
4.	Penolong Akauntan	Kewangan	W27	Tetap
5.	Juruteknik Perancang Bandar & Desa	Kejuruteraan	J17	Tetap
6.	Juruteknik	Kejuruteraan	J17	Tetap

B. **JADUAL GREED GAJI :**

JAWATAN	GREED	TANGGA GAJI
Jawatan 1 & 4	: Gred W27	P1T1 RM1209.09 – P1T26 RM3031.64 P2T1 RM1278.67 – P2T26 RM3217.79 P3T1 RM1351.27 – P3T26 RM3409.80
Jawatan 2 & 3	: Gred J29	P1T1 RM1549.40 – P1T21 RM3046.80 P2T1 RM1620.49 – P2T21 RM3241.91 P3T1 RM1694.60 – P3T21 RM3430.90
Jawatan 5 & 6	: Gred J17	P1T1 RM843.06 – P1T26 RM2325.37 P2T1 RM896.00 – P2T26 RM2452.46 P3T1 RM950.45 – P3T26 RM2583.95

C. **SYARAT-SYARAT LANTIKAN :**

Semua jawatan hendaklah terdiri daripada **WARGANEGARA MALAYSIA**.

Calon bagi lantikan hendaklah berumur :

- (i) Tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; **DAN**
- (ii) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi syarat kenaikan pangkat secara lantikan.

JAWATAN 1 (PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN (COB)) -

- (a) Diploma dalam bidang pengurusan harta tanah atau pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji Permulaan ialah pada Gred W27 : P1T6); **DAN**

- (b) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- (c) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penilaian adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan **untuk kenaikan pangkat secara lantikan** ke jawatan Penolong Pegawai Penilaian Gred W27 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (i) mempunyai kelayakan di para (a) di atas; **ATAU**
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas.

JAWATAN 2 (PENOLONG PEGAWAI PERANCANG BANDAR & DESA (OSC)) -

- (a) Diploma dalam bidang perancangan bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; **DAN**
- (b) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
- (c) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik Perancang Bandar dan Desa adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-
 - (i) Mempunyai kelayakan di perenggan (c) di atas; atau
 - (ii) Lulus Peperiksaan Khas.

JAWATAN 3 (PENOLONG JURUTERA (OSC))

- (a) Diploma dalam bidang kejuruteraan, seni bina atau ukur bahan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred J29 : P1T2); **DAN**

- (b) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

- (c) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Juruteknik bidang kejuruteraan dan Pemeriksa Kereta Motor adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Jurutera Gred J29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

- (i) Mempunyai kelayakan di perenggan (c) di atas; atau
- (ii) Lulus Peperiksaan Khas.

JAWATAN 4 (PENOLONG AKAUNTAN) -

- (a) Diploma dalam bidang pengajian perniagaan, kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred W27 : P1T5); **ATAU**

- (b) *Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang kewangan yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred W27 : P1T8); **DAN**

- (c) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

- (d) Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan **untuk kenaikan pangkat secara lantikan** ke jawatan Penolong Pegawai Akauntan Gred W27 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (i) mempunyai kelayakan di para (a) di atas; **ATAU**
- (ii) lulus Peperiksaan Khas.

JAWATAN 5 (JURUTEKNIK PERANCANG BANDAR & DESA) -

- (a) Sijil dalam bidang Perancangan Bandar Dan Wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi atau politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan pada Gred J17 : P1T9); **DAN**

- (b) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

JAWATAN 6 (JURUTEKNIK) -

- (a) Sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan pada Gred J17 : P1T8); **DAN**

- (b) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

D. CARA MEMOHON :

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan Borang MBB/BSM/1/2003 yang boleh didapati di Bahagian Sumber Manusia, Aras 4, Bangunan Majlis Bandaraya Johor Bahru atau muat turun sendiri di laman web www.mbjb.gov.my
- (b) Permohonan daripada pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah mengikut Perintah Am Bab 'A' 21.
- (c) Tarikh tutup permohonan ialah **pada 4 September 2009**.
- (d) Semua permohonan hendaklah **DISERTAKAN DENGAN SALINAN SIJIL YANG DIAKUI SAH DAN JUGA GAMBAR BERUKURAN PASPOT YANG TERBARU** dan alamatkan kepada :-

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
PETI SURAT 232
80720 JOHOR BAHRU**

E. **CATATAN AM :**

- (a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
- (b) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggung jawab calon sendiri.
- (c) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.

(HAJI MOHD JAFFAR BIN HAJI AWANG)

Datuk Bandar,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Rujukan : MBB/T/1998/02/PJW/1/11